



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

PEKELILING CIDB – BIL. 1/2026

PEMAKLUMAN PENGGUNAAN MODUL BAHARU KURSUS INDUKSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA BINAAN (SICW) DAN PINDAAN SYARAT PENGAJAR BAGI PENGANJURAN KURSUS SICW CIDB

1. Tujuan

Surat pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada pihak-pihak yang berkaitan dalam industri pembinaan mengenai penggunaan modul baharu Kursus Induksi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja Binaan (SICW) dan pindaan syarat pengajar bagi penganjuran kursus SICW CIDB.

2. Latar Belakang

- 2.1. CIDB telah memperkasakan Kursus Induksi Keselamatan Dan Kesihatan Pekerja atau Safety Induction Course for Construction Workers (SICW) melalui penambahbaikan modul serta pindaan syarat kelayakan pengajar SICW CIDB.
- 2.2. Penambahbaikan ini dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti kursus SICW melalui penyediaan modul standard yang komprehensif, sekali gus memastikan keseragaman kandungan, penyampaian latihan serta menyelaras kurikulum kursus dengan keperluan dan amalan semasa industri pembinaan. Penambahbaikan ini juga meliputi syarat dan kriteria pengajar SICW.

3. Penggunaan Modul Baharu SICW

3.1. Penggunaan Modul Baharu SICW akan berkuatkuasa pada **1 September 2026**.

3.2. Penggunaan modul baharu ini memerlukan pengajar sedia ada menjalani **Kursus Familiarization Slaid Kursus SICW** seperti berikut:

Kursus	Sasaran Peserta	Tempoh	Kaedah Pelaksanaan Kursus
Kursus <i>Familiarization</i> Slaid Kursus SICW	Pengajar SICW sedia ada	Satu (1) hari / 6 jam	Secara atas talian

3.3. Penyedia Latihan SICW (PL SICW) hendaklah memastikan pengajar SICW telah menjalani kursus yang ditetapkan di para 3.2 bagi membolehkan penggunaan modul baharu. Carta Alir Permohonan Kursus Kursus *Familiarization* Slaid Kursus SICW adalah seperti di **Lampiran A**.

3.4. Sekiranya Pengajar SICW gagal menjalani kursus tersebut, PL SICW adalah **Tidak Dibenarkan** melaksanakan kelas SICW selepas tarikh berkuatkuasa penggunaan modul baharu.

3.5. Kegagalan Pengajar SICW menghadiri kursus dan mengemaskini status kehadiran sebelum **1 September 2026** akan menyebabkan pentauliahan Pengajar SICW dibatalkan dan perlu membuat permohonan semula sebagai Pengajar Baharu berdasarkan syarat kelayakan yang telah ditetapkan.

4. Syarat Kelayakan Pengajar Baharu Kursus SICW

4.1. Pengajar baharu merupakan individu yang hendak memulakan kerjaya sebagai Pengajar SICW dan memenuhi Syarat Kelayakan Pentauliahan Pengajar Baharu seperti di **Lampiran B**.

- 4.2. Pengajar baharu perlu mendaftar dengan mana-mana PL SICW yang bertauliah untuk dilantik sebagai Pengajar.
- 4.3. Pengajar baharu perlu menghadiri **Kursus Train The Trainer SICW (TTT-SICW)** yang dianjurkan oleh CIDB Holdings Sdn. Bhd. (CIDBH) seperti berikut:

Kursus	Sasaran Peserta	Tempoh	Kaedah Pelaksanaan Kursus
Kursus Train-The-Trainer (TTT-SICW)	Terbuka kepada pengajar baharu SICW	Tiga (3) hari	i. Secara fizikal ii. Penilaian – Lulus/Gagal

- 4.4. PL SICW perlu membuat permohonan pentauliahan Pengajar SICW bagi pihak Pengajar baharu di dalam sistem CIMS berdasarkan syarat kelayakan yang ditetapkan. Carta Alir Permohonan Kursus TTT-SICW adalah seperti di **Lampiran C**.

5. Pertanyaan

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi e-bantuan: <https://www.cidb.gov.my/e-bantuan/>.

"MALAYSIA MADANI"

"BINA SEMPURNA"



SUHAIMI MANSOR s.m.p


PENGURUS BESAR KANAN

SEKTOR PENDAFTARAN & AKREDITASI

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)

TARIKH: 03/06/2026.

Carta Alir Permohonan Kursus Train The Trainer (TTT) SICW – Pengajar Baharu



SYARAT PENTAULIAHAN PENGAJAR BAHARU SICW

BIL.	PERKARA	DOKUMEN
1.	Butiran Diri Pengajar	a. Salinan Asal Kad Pengenalan Malaysia (MyKad) b. Gambar Ukuran Passport c. Resume Tenaga Pengajar d. Surat Pengesahan Sebagai Staf Syarikat (Jika bukan pemilik) e. Penyata KWSP – Caruman Majikan (Jika bukan pemilik)
2.	Hadir dan Lulus Kursus a. Hadir dan lulus Kursus Train-The-Trainer (TTT–SICW) bagi Pengajar Baharu Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (SICW). b. Hadir dan Lulus Kursus Basic Train The Trainer (TTT) dari CIDB / NIOSH / HRDF atau setara.	a. Salinan Keputusan Penilaian dan Sijil Kursus Train-The-Trainer (TTT–SICW) Kursus Induksi Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (SICW). b. Salinan asal Sijil Basic Train The Trainer (TTT) dari CIDB / NIOSH / HRDF

Carta Alir Permohonan Kursus *Familiarization* Slaid Kursus SICW – Pengajar Sedia Ada

